



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/01/05 (HQ)

KELENGKAPAN SEKOLAH BARU UNTUK 400 MURID

Empat ratus (400) murid daripada keluarga kurang berkemampuan di Parlimen Kota Marudu, Sabah hari ini menerima sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan untuk sesi persekolahan tahun 2016.

Program Jom ke Sekolah atau *Back To School* anjuran bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) ini merupakan salah satu program tahunan Tanggungjawab Korporat TNB bagi meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah.

Sumbangan disampaikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau & Air, YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili merangkap Ahli Parlimen Kota Marudu. Murid terlibat adalah dari tahun satu hingga enam dari beberapa buah sekolah di sekitar Kota Marudu.

Pengarah Urusan, SESB, Abd Razak Sallim berkata, sumbangan TNB termasuklah pakaian seragam sekolah, kasut dan beg sekolah adalah bernilai RM200 setiap seorang menjadikan jumlah keseluruhannya bernilai RM80,000. Turut hadir ke majlis, Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi) TNB, Datuk. Ir. Mohd. Aminuddin Mohd Amin.

Sumbangan kelengkapan sekolah ini turut dilaksanakan di 19 Kawasan Parlimen di 9 buah negeri iaitu, Sabah, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 4,800 murid-murid menerima sumbangan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,230,000.

Pada tahun 2013, seramai 1299 orang murid daripada 78 buah sekolah di tujuh (7) buah negeri di Semenanjung telah mendapat manfaat dari program ini. Manakala dalam tahun 2014, seramai 2489 orang murid daripada 109 buah sekolah di sembilan (9) buah negeri.

Dikeluarkan di Kota Merudu, Sabah pada 9 Januari 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut media, sila hubungi Puan Hawa Anwar di 019-2691907
atau Maizatul Nadiah Saadon 017-3816602*

media@tnb.com.my



S.A. 2015/01/08 (HQ)